



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Guru muat turun aplikasi 'Bank Negara' terjerat simpanan lesap Language: Malay
Publication/Portal: Kosmo Section: Negara
Date: 9 January 2021 Page: 9

Kepala Batas: Seorang guru lelaki terkejut apabila wang simpanan berjumlah RM75,000 lesap daripada akaun banknya selepas dia memuat turun aplikasi kononnya daripada 'Bank Negara', baru-baru ini.

Mangsa yang berusia 28 tahun pada mulanya mendapat panggilan telefon daripada individu mendakwa pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang memaklumkan dia mempunyai tunggakan cukai syarikat.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, panggilan mangsa itu kemudian di-

sambungkan kepada individu lain yang mendakwa sebagai anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang.

"Anggota polis itu memberitahu mangsa bahawa dia terbabit dengan kes dadah dan pengubahan wang haram.

"Disebabkan panik mangsa terus mengikuti arahan polis terbabit dengan memuat turun aplikasi kononnya daripada Bank Negara sebelum mengisi maklumat perbankan miliknya.

Guru muat turun aplikasi 'Bank Negara' terjerat simpanan lesap

RM75k
Jumlah wang simpanan dalam akaun bank guru terbabit

"Tidak lama kemudian, mangsa terkejut apabila mendapati wang simpanannya berjumlah RM75,000 lesap melalui transaksi dibuat suspek dan mangsa membuat laporan polis untuk tindakan lanjut," katanya

dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan mendapati mangsa terjerat dengan sindiket penyamaran sebagai pegawai kerajaan melalui panggilan telefon.

Menurutnya, polis masih menjalankan siasatan lanjut berhubung kes itu mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan orang awam diminta tidak mudah terpedaya dengan sindiket penipuan yang semakin berleluasa.